



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### PRODUK-PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk-produk kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama Produk	Racun Berjadual Yang Dikesan
1	Glow Skin White - Brightening Cream	Merkuri
2	Glow Skin White - Sun Care	Merkuri
3	Rzac Beauty Creme 2	Merkuri

2. Notifikasi produk-produk kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM. Oleh itu, produk-produk kosmetik tersebut tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

### PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

3. **Merkuri** dilarang di dalam produk kosmetik kerana boleh memudarangkan kesihatan. Ia boleh diserap masuk ke dalam badan dan menyebabkan kerosakan pada buah pinggang dan sistem saraf. Ia juga boleh menganggu perkembangan otak kanak-kanak yang masih kecil atau yang belum dilahirkan. Merkuri juga boleh menyebabkan ruam, iritasi dan perubahan lain pada kulit.

### PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR PRODUK KOSMETIK INI

4. Penjual dan pengedar produk-produk kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran produk-produk kosmetik tersebut dengan serta-merta. **Penjualan dan pengedaran** produk-produk kosmetik ini adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

5. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan

berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

#### **PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM**

6. Orang awam yang sedang menggunakan produk-produk kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.

7. Orang awam digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) atau melalui aplikasi ‘NPRA Product Status’ yang boleh dimuat turun daripada *Google Play Store*.

**DATUK DR NOOR HISHAM ABDULLAH  
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**9 Jun 2020**

**LAMPIRAN**

1) Nama Produk: Glow Skin White - Brightening Cream



2) Nama Produk: Glow Skin White - Sun Care



**3) Nama Produk: Rzac Beauty Creme 2**

